



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Kanun Tanah Negara (Hakmilek Pulau Pinang dan Melaka)
(Pindaan) 1971**

DR.111/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilek Pulau Pinang dan Melaka), 1963.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilek Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan), 1971. Tajok ringkas.
2. Sekshen 6 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilek Pulau Pinang dan Melaka), 1963 ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan perkataan "for each State" sa-lepas sahaja perkataan "appoint" yang terdapat dalam sekshen-kechil (1). Pindaan. 2/63.

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda sekshen 6 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilek Pulau Pinang dan Melaka), 1963 untuk membuat peruntokan bagi melantek sa-orang Pesurohjaya Hakmilek Tanah bagi tiap² satu Negeri supaya dapat di-majukan lagi pentadbiran tanah dalam Negeri. Peruntokan yang sedia ada hanya memperuntokkan sa-orang Pesurohjaya sahaja bagi kedua² Negeri.

[PN. (PU²) 242.]